



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY

Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>



KITASELANGOR

Rujukan kami : PWN. SEL.600-5/3/6 Jld 1 (3)

Tarikh : 19 Jumadal Akhirah 1447H

10 Disember 2025

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Negeri

YB Dato' / Y.Bhg. Dato' / YAA Dato' / SS Dato' / Tuan / Puan,

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN 2025:
TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN KERAJAAN NEGERI
SELANGOR TAHUN 2026

1. TUJUAN

Arahan Operasi ini adalah bertujuan untuk memaklumkan :-

- 1.1 Tarikh-tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2026; dan
- 1.2 Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua Jabatan/PTJ bagi memastikan penyediaan emolumen dapat diuruskan dengan sempurna dan emolumen dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.

2. TARIKH-TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

Tarikh-tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2026 adalah seperti di **LAMPIRAN A** berdasarkan Arahan Perbendaharaan 105 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2025 bertarikh 21 Oktober 2025.

3. PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN

- 3.1 Untuk memastikan pihak Perbendaharaan Negeri Selangor dapat membuat pembayaran emolumen mengikut tarikh yang ditetapkan, pihak Jabatan/PTJ dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut:-



**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN 2025:
TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN KERAJAAN NEGERI
SELANGOR TAHUN 2026**

3.1.1 Bayaran Emolumen Melalui Modul Gaji Sistem iSPEKS

- (a) Menyemak maklumat dalam Fail Induk Pekerja dan mengambil tindakan serta merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu. **Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam Fail Induk Pekerja termasuk butir-butir peribadi, tarikh lahir, nombor kad pengenalan baharu, nombor akaun bank dan nombor rujukan potongan/no. akaun seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Cukai Pendapatan, Umur Persaraan dan sebagainya.**
- (b) Semua arahan bagi membuat potongan emolumen hendaklah lengkap seperti **nombor rujukan/ no. akaun** potongan. Pihak Jabatan/PTJ hendaklah menggunakan dengan tepat kod-kod potongan yang disediakan. Kesilapan dan kegagalan dalam memberi maklumat tersebut akan mengakibatkan potongan emolumen tidak dapat dikreditkan ke akaun yang betul.
- (c) Memastikan semua pembayaran emolumen kepada kakitangan dibayar melalui Modul Gaji Sistem iSPEKS. Sekiranya terdapat keperluan pembayaran melalui Arahan Pembayaran bagi kes-kes tertentu, pengecualian hendaklah dipohon secara bertulis kepada Pejabat Bendahari Negeri Selangor.
- (d) Perubahan emolumen hendaklah dikunci masuk mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Bendahari Negeri Selangor. Dokumen-dokumen perubahan emolumen asal atau salinan yang telah disahkan hendaklah difailkan dan disimpan oleh pihak Jabatan/PTJ.

3.1.2 Bayaran Emolumen Melalui Arahan Pembayaran

- (a) Arahan Pembayaran bagi bayaran emolumen kepada kakitangan yang tidak dibayar melalui **Modul Gaji Sistem iSPEKS** hanya boleh disediakan **dua (2) hari bekerja sebelum tarikh pembayaran emolumen**. Pembayaran kepada kakitangan yang tidak lagi berkhidmat sehingga akhir bulan juga adalah tertakluk kepada perkara ini.

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN 2025:
TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN KERAJAAN NEGERI
SELANGOR TAHUN 2026**

- (b) Pembayaran emolumen bagi kakitangan yang bergaji hari dan lantikan MySTEP, Arahkan Pembayaran perlu dikunci-masuk bermula 1 hari bulan atau pada hari pertama bekerja bulan berikutnya. Kakitangan yang tidak lagi berkhidmat sehingga akhir bulan juga adalah tertakluk kepada perkara ini.
- (c) Semua transaksi pembayaran yang di buat hendaklah dibayar secara *Electronic Fund Transfer (EFT)*. Sebarang transaksi pembayaran yang hendak dibayar secara Cek perlu mendapat kelulusan daripada pihak Bendahari Negeri terlebih dahulu.

4. BANK-BANK PEMBAYARAN EMOLUMEN

4.1 Bank-bank bagi bayaran emolumen secara *EFT* yang berintegrasi dengan **Modul Gaji Sistem iSPEKS** adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

- (a) Affin Bank Berhad / Affin Islamic Bank Berhad
- (b) AmBank (M) Berhad / AmBank Islamic Berhad
- (c) Bank Islam Malaysia Berhad
- (d) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- (e) Bank Muamalat Malaysia Berhad
- (f) Bank Simpanan Nasional
- (g) CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad
- (h) Hong Leong Bank Berhad / Hong Leong Islamic Bank Berhad
- (i) Malayan Banking Berhad / Maybank Islamic Berhad
- (j) Public Bank Berhad / Public Islamic Bank Berhad
- (k) RHB Bank Berhad / RHB Islamic Bank Berhad

5. SIJIL GAJI AKHIR (LPC)

5.1 Sijil Gaji Akhir perlu dihantar tiga (3) salinan ke Pejabat Bendahari Negeri terlebih dahulu untuk mendapatkan pengesahan sebelum dihantar ke Jabatan/PTJ baru.

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN 2025:
TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN KERAJAAN NEGERI
SELANGOR TAHUN 2026**

- 5.2 Sijil Gaji Akhir yang dihantar ke Pejabat Bendahari Negeri hendaklah Sijil Gaji Akhir yang dijana dari Sistem iSPEKS.
- 5.3 Jabatan/PTJ perlu memastikan tiada lagi perubahan emolumen dilaksanakan oleh Jabatan/PTJ lama selepas Sijil Gaji Akhir dikemukakan kepada Pejabat Bendahari Negeri.
- 5.4 Bagi mengelakkan kelewatan penerimaan Sijil Gaji Akhir oleh Jabatan baru, Jabatan/PTJ lama hendaklah mengemukakan ke Unit Emolumen Pejabat Bendahari Negeri Selangor selewat-lewatnya sebulan (1 bulan) sebelum tarikh akhir bayaran di Jabatan/PTJ lama.

6. PENUTUP

Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi bagi memastikan pembayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD SABREE BIN YAAKUB) C.A(M)
Bendahari Negeri Selangor

Salinan kepada :

YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

LAMPIRAN A

TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN BAGI TAHUN 2026

BULAN	TARIKH AKHIR PTJ	TARIKH BAYARAN GAJI	CATATAN
JANUARI	09.01.2026 (Jumaat)	22.01.2026 (Khamis)	
FEBRUARI	29.01.2026 (Khamis)	12.02.2026 (Khamis)	Tahun Baru Cina 17 & 18 Feb 2026 (Selasa & Rabu)
MAC	27.02.2026 (Jumaat)	16.03.2026 (Isnin)	Hari Raya Puasa 21 & 22 Mac 2026 (Sabtu & Ahad)
APRIL	03.04.2026 (Jumaat)	20.04.2026 (Isnin)	
MEI	06.05.2026 (Rabu)	21.05.2026 (Khamis)	Hari Raya Haji 27 & 28 Mei 2026 (Rabu & Khamis)
JUN	09.06.2026 (Selasa)	25.06.2026 (Khamis)	
JULAI	08.07.2026 (Rabu)	23.07.2026 (Khamis)	
OGOS	06.08.2026 (Khamis)	24.08.2026 (Isnin)	
SEPTEMBER	07.09.2026 (Isnin)	24.09.2026 (Khamis)	
OKTOBER	07.10.2026 (Rabu)	22.10.2026 (Khamis)	
NOVEMBER	10.11.2026 (Selasa)	25.11.2026 (Rabu)	Hari Deepavali 8 November 2026 (Ahad)
DISEMBER	03.12.2026 (Khamis)	21.12.2026 (Isnin)	Hari Krismas 25 Disember 2026 (Jumaat)